Rabu, Nov 14 2018

## Cukai baharu beberapa tahun lagi

BH H/II/18 stores revinanced

Petaling Jaya: Cukai baharu ditambah dengan perluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dijangka dilaksanakan dalam tempoh tiga hingga lima tahun lagi, kata Pengarah Eksekutif Cukai Perniagaan Deloitte Malaysia, Chia Swee Hoe.

Swee Hoe berkata, kadar enam peratus SST juga dijangka dinaikkan dalam tempoh yang sama untuk menampung kekurangan perolehan kerajaan lebih RM20 bilion selepas pemansuhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

"Ketika ini, hanya 38 peratus di bawah Indeks Harga Pengguna (IHP) kini di bawah SST berbanding 60 peratus di bawah GST. Saya percaya ini akan diperluaskan dari semasa ke semasa, selaras dengan kenaikan gaji," katanya pada Komentar Belanjawan 2019 Persatuan Pembangunan Hartanah dan Perumahan (REHDA) di sini, semalam.

Swee Hoe juga berkata, cukai baharu itu akan lebih menumpukan pada penggunaan, tetapi menambah kerajaan perlu mengkaji peningkatan kos hidup sebelum melaksanakan saharan gukai baharu

PHAKAH SCUALANG CUKAI DAHALU.

## Sistem cukai lebih berstruktur

"Pada masa depan, kerajaan mungkin ubah suai dan menjenamakan semula SST kepada sistem cukai lebih berstruktur," katanya.

Dalam Belanjawan 2019 dibentangkan pada 2 November, kerajaan mengumumkan akan mengenakan cukai eksais 40 sen seliter bagi minuman bergula bermula 1 April 2019, manakala cukai digital akan dilaksanakan dari 1 Januari 2020.

Sementara itu, Ketua Pakar Ekonomi MIDF Amanah Investment Bank Bhd, Dr Kamaruddin Mohd Nor, berkata prestasi ringgit masih berdaya tahan berbanding mata wang lain seperti rupee India dan rupiah Indonesia.

BERNAMA